

MENTHOLATUM OINTMENT

Menthol/Camphor (1.3%w/w, 9%w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Mentholatum Ointment
2. Bagaimana Mentholatum Ointment berfungsi
3. Sebelum menggunakan Mentholatum Ointment
4. Cara menggunakan Mentholatum Ointment
5. Semasa menggunakan Mentholatum Ointment
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Mentholatum Ointment
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan *Mentholatum Ointment*

Mentholatum Ointment digunakan untuk melegakan sakit otot dan sendi sementara

Bagaimana *Mentholatum Ointment* Berfungsi

Mentholatum Ointment mengandungi bahan aktif *camphor* dan *menthol*. *Camphor* merangsang saraf yang boleh melegakan sakit otot dan sendi. *Menthol* digunakan pada kulit untuk mengurangkan kerengsaan. Ia berfungsi dengan menyebabkan kulit berasa sejuk dan kemudian hangat untuk membantu mengurangkan kesakitan.

Sebelum menggunakan *Mentholatum Ointment*

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil ubat ini jika:

- anda mempunyai alahan terhadap *Camphor*, *Menthol* atau bahan kandungan lain dalam Mentholatum Ointment.
- untuk kanak-kanak dibawah umur 2 tahun.

- Sebelum menggunakan *Mentholatum Ointment*

Mengandung dan menyusukan anak

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau

sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan *Mentholatum Ointment*

- Berapa banyak harus digunakan

Sapukan lapisan nipis pada bahagian yang sakit. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Sapukan 3-4 kali sehari. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika anda terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi. Sapukan dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan menyapu ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan sapukan dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor atau ahli farmasi anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa.

Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Penggunaan ubat ini secara berlebihan mungkin sebabkan ketidakselesaan pada kulit.

Semasa menggunakan *Mentholatum Ointment*

- Perkara yang perlu dilakukan

Untuk kegunaan luar sahaja

Guna ubat anda mengikut arahan doctor dan ahli farmasi.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Mentholatum Ointment.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Elakkan daripada terkena di mata
- Jangan sapu ubat ini di bahagian mulut dan rongga hidung
- Jangan sapu ubat ini pada kulit yang terluka
- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan memberi Mentholatum Ointment kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini boleh menyebabkan kekejangan. Berhati-hati semasa merawat kanak-kanak. Jika ubat yang mengandungi *camphor* digunakan ke dalam rongga hidung walaupun dalam kuantiti yang sedikit boleh menyebabkan pengsan dengan serta-merta.

Kesan-kesan sampingan

Mentholatum Ointment tidak menyebabkan sebarang kesan sampingan. Tetapi sebilangan pengguna boleh mengalami kulit sensitif dan iritasi kulit disebabkan oleh bahan aktif. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan *Mentholatum Ointment*

- Penyimpanan

- Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.
- Simpan di bawah suhu 30 °C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Mentholatum Ointment adalah krim berwarna putih dan sekata dengan bau camphor dan menthol.

Mentholatum Ointment dibungkus dalam balang 28g dan 85g

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Camphor dan Menthol

- Bahan tidak aktif

Essential oil mixtures, titanium dioxide and petroleum

- Nombor MAL

MAL19988507X

Pengilang

Mentholatum (China) Pharmaceutical Co Ltd
The Second Industrial Estate,
San Xiang Zhongsan,
Guangdong, PRC 528463, China

Pemegang Pendaftaran Produk

Rohto-Mentholatum (M) Sdn.Bhd.
Unit 9-1, Tingkat 9, Wisma Averis,
Tower 2, Avenue 5, Bangsar South City,
No. 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur

Tarikh kemas kini RiMUP

02/06/2022

Nombor siri:

NPRA(R4/1)290722/00048